

**usahawanmuda**

# Mahu tubuh syarikat penerbitan sendiri

➔ Nur Atikah kini miliki lapan kakitangan bantu urus perniagaan

**info**

**Spekbesar Bookstore**

➔ Menjual buku bermula daripada RM6.90 (komik) hingga RM39.90 (buku rujukan).

Oleh **Nor Azma Laila**  
norazma@bh.com.my

➔ **Serdang**

**P**elajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Nur Atikah Mohammad, mula membabitkan diri dalam dunia perniagaan sekitar Mac tahun lalu, melalui bisnes yang dikenali dengan nama Spekbesar Bookstore.

Beliau menceburi perniagaan itu kerana mahu menimba pengalaman sebelum menubuhkan syarikat penerbitan sendiri pada masa depan.

Tanpa berbekalkan sebarang modal permulaan, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Manusia dan Pengurusan itu terlebih dulu memulakan perniagaan menjual buku melalui sekolah.

"Pelbagai jenis buku yang saya jual, termasuklah buku latihan dan rujukan untuk pelajar sekolah rendah dan menengah, komik, novel, buku motivasi dan diari tahunan.

"Permulaan bisnes ini tidak

memerlukan sebarang modal kerana mendapat kepercayaan daripada tiga syarikat buku yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil kira-kira 800 buku dan menjual di sekolah yang sudah saya kenal pasti," katanya ketika ditemui, di sini, baru-baru ini.

**Luaskan lokasi**

Kini, Nur Atikah yang juga pengasas Spekbesar Bookstore sudah memiliki lapan kakitangan yang membantu menguruskan perniagaan beliau supaya tidak mengganggu urusan harian sebagai pelajar universiti.

"Setakat ini, urusan perniagaan tidak mengganggu rutin harian saya sebagai pelajar kerana dibantu kakitangan yang terdiri daripada orang luar, supaya mereka tidak terikat dengan jadual kuliah.


"Jika sebelum ini saya menjual buku melalui sekolah saja, kini syarikat meluaskan lagi lokasi jualan dengan membuka gerai jualan di karnival yang dianjurkan universiti atau pusat matrikulasi.

"Pendekatan yang digunakan itu, sekali gus membuatkan jumlah buku yang berjaya dijual lebih banyak dan sambutan yang diterima juga sangat menggalakkan," katanya.

Beliau berkata, setiap perniagaan sudah tentunya mempunyai cabaran tersendiri dan usaha untuk meletakkan jenama Spekbesar Bookstore itu sebaris dengan syarikat penerbitan buku sedia ada bukan satu tugas mudah.

"Ketika ini memang saya mengambil buku daripada syarikat lain tetapi pada masa depan, saya juga merancang untuk menubuhkan syarikat penerbitan sendiri dan mampu berdiri sebaris dengan pihak industri yang sudah lama bertapak dan mencipta nama dalam bidang ini.

"Bagi memastikan usaha itu menjadi kenyataan, saya sentiasa menyertai kursus motivasi dan strategi pemasaran untuk mendapatkan ilmu bagi mengembangkan lagi Spekbesar Bookstore pada masa depan," katanya.



**Nur Atikah menunjukkan sebahagian buku yang dijual oleh syarikatnya.**